

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

ISU

Pengusaha restoran sambut baik larangan

Kuala Lumpur: Larangan penggunaan penyedut minuman plastik di Wilayah Persekutuan termasuk Labuan sejak 1 Januari lalu, disambut positif oleh pengusaha premis makanan.

Walaupun penguatkuasaan penuh hanya dilaksanakan bermula 1 Januari 2020, kebanyakan pengusaha mulai peka dengan larangan itu dengan tidak menyediakan penyedut minuman kepada pelanggan.

Tinjauan dan temu bual wartawan BH ke beberapa premis makanan termasuk kafe di sekitar ibu negara mendapati, kebanyakan pengusaha tiada masalah dengan penguatkuasaan larangan itu, malah menyambut baik dalam menyokong usaha kerajaan mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Gantung sendiri pelekat kempen

Sebuah restoran yang dikunjungi dilihat turut mengambil inisiatif sendiri dengan meletakkan gantungan dan pelekat 'Kempen Tiada Penyedut Minuman' (*No Straw Campaign*) di sekeliling premis sebagai makluman kepada pelanggan.

Pengurus cawangan restoran terbabit, K Siva, berkata pihaknya memulakan kempen itu sejak lebih sebulan lalu, dengan tidak menyediakan penyedut minuman, kecuali



Penyedut minuman daripada hampas tebu dan diimport dari Taiwan antara alternatif menggantikan straw plastik.



Pengusaha restoran mengambil inisiatif meletakkan gantungan dan pelekat 'Kempen Tiada Penyedut Minuman' di sekeliling premis ketika tinjauan di sekitar Bangsar, semalam.

LARANGAN GUNA PENYEDUT MINUMAN PLASTIK

Penyedut minuman buluh, keluli alternatif terbaik

➔ Masyarakat perlu dididik patuhi larangan, tingkat kesedaran jaga alam sekitar

Oleh Siti Azila Alias
sitiiazila@bh.com.my


➔ Kuala Lumpur

Penyedut minuman jenis keluli tahan karat, buhuh dan kaca yang banyak dijual adalah antara alternatif terbaik menggantikan penyedut minuman plastik konvensional.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Prof Dr Ahmad Ismail, berkata kesedaran terhadap ancaman penggunaan penyedut minuman plastik sudah menjadi gerakan global dan masyarakat perlu memahami konteks keseluruhannya.


Beliau berkata, pengguna perlu membiasakan diri minum tanpa menggunakan penyedut atau membawa sendiri penyedut minuman yang boleh diluang pakai.

"Masyarakat perlu dididik menjaga alam sekitar dan tindakan kerajaan (memperkenalkan larangan penggunaan penyedut minuman plastik) sesuai dengan status Malaysia ke arah negara maju



Rakyat Malaysia berupaya laksanakan sepenuhnya konsep minum tanpa gunakan penyedut minuman plastik pada masa depan demi kelestarian alam sekitar"

Ahmad Ismail,
Presiden Persatuan
Pencinta Alam
Malaysia



Penggunaan penyedut minuman keluli tahan karat antara langkah mendidik masyarakat henti penggunaan straw plastik.

"Sebagai permulaan, pendidikan memadai untuk memberikan kefahaman kerana minum tanpa penyedut minuman belum menjadi amalan masyarakat negara ini.

Larangan berupaya beri perubahan

"Mungkin mereka belum memahami dan menghayati sepenuhnya kesan buruk penggunaan plastik.

"Bagaimanapun, saya percaya penerapan menerusi larangan ini secara perlahan-lahan berupaya menghasilkan perubahan dalam diri masyarakat yang akhirnya akan menjadi satu amalan," katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Beliau berkata, rakyat Malaysia berupaya melaksanakan sepenuhnya konsep minum tanpa menggunakan penyedut minuman plastik pada masa depan demi kelestarian alam sekitar.

Komited pulihara alam

Ahmad berkata, penggunaan produk berasaskan plastik itu menunjukkan kerajaan komited memulihara alam semula jadi.

"Ia juga menunjukkan Malaysia mendengar gesaan antarabangsa dan pencinta alam yang mahu penggunaan penyedut minuman plastik dihentikan," katanya.

Walaupun larangan itu hanya berkuat kuasa terhadap pengusaha premis, beliau berkata, ia secara tidak langsung turut mendidik masyarakat terutama generasi muda mengenai kepentingan menjaga alam sekitar daripada terus dicemari.

Mengenai alternatif penyedut minuman plastik, beliau berkata, saintis dan penggerak industri perlu memikirkan kaedah sesuai yang tidak mencemari alam sekitar, terutama laut serta mengancam hidupan di dalamnya.

diminta pelanggan.

Mengakui mendapat pelbagai reaksi termasuk ada yang tidak berpuas hati dan marah kerana tiada penyedut minuman, beliau berkata, konsep itu akhirnya difahami dan diterima secara perlahan-lahan.

"Kebanyakan pelanggan tetap mulai faham mengenai kepentingan kempen (tiada penyedut minuman) dalam membantu mengurangkan pencemaran.

"Malah, ada yang membawa penyedut minuman sendiri," katanya.

Usaha kerajaan itu disambut baik pengusaha sebuah kafe di Bangsar, yang mengambil inisiatif menyediakan penyedut minuman diperbuat daripada bahan kitar semula.

Pengurusnya, Jia Lee, berkata usaha itu dimulakan akhir bulan lalu sebagai sokongan terhadap pemuliharaan alam sekitar.

Walaupun menanggung kos tinggi berikutan penggunaan penyedut minuman terbabit, beliau tidak melihatnya sebagai masalah.

"Penyedut minuman yang disediakan ini diperbuat daripada hampas tebu dan diimport dari Taiwan.

"Jika ambil kira soal kos, memang meningkat 400 peratus, kerana ia produk biodegradasi dan setiap penyedut minuman berharga 10 sen, tetapi kami menyerap kos itu. Harga minuman juga tidak naik," katanya.

Sementara itu, pelanggan ditemui turut menyokong langkah kerajaan, namun berpandangan kajian lebih teliti perlu dibuat supaya ia dilaksanakan secara menyeluruh.

Pekerja swasta, Wern Ju Su, berkata kerajaan sepatutnya menyediakan alternatif seperti akses mendapatkannya kerana ia belum dijual secara meluas," katanya.

"Sebagai permulaan, pengusaha boleh menjual penyedut minuman terbabit di premis mereka bagi memudahkan pelanggan mendapatkannya kerana ia belum dijual secara meluas," katanya.